

### **PENGENALAN**

Seperti mana kad-kad bayaran lain, kad caj menyediakan suatu kaedah yang mudah dan cekap untuk pembelian barangan dan perkhidmatan. Walau bagaimanapun, anda hendaklah peka Tentang akibat penggunaan kad caj. Buku panduan ini memaparkan maklumat mengenai kad caj yang perlu anda ketahui sebelum memohon atau menggunakan kad caj.

Maklumat yang terkandung di dalam buku panduan ini merangkumi aspek-aspek berikut: perbandingan di antara kad caj dan kad kredit, keperluan asas untuk memohon kad caj, memahami syarat-syarat pemegangan kad, memahami kadar yuran dan caj yang dikenakan, memilih kad caj yang sesuai, tip-tip untuk mencegah fraud dan soalan-soalan yang sering ditanya.

### **APAKAH YANG DIMAKSUDKAN DENGAN KAD CAJ?**

Kad caj ialah kad bayaran dengan had pratetap yang boleh digunakan untuk membuat pembayaran bagi barangan dan perkhidmatan di kedai saudagar yang terlibat, baik di dalam mahupun di luar negara. Ia adalah satu instrumen bayaran yang mudah untuk tujuan membeli-belah, makan di restoran, melancong, membayar bil dan sebagainya. Penggunaan kad caj adalah sama seperti kad bayaran yang lain seperti kad kredit dan kad debit, di mana ia boleh digunakan di mana-mana kedai saudagar yang mempamerkan jenama kad caj anda. Di Malaysia, kad caj yang dikeluarkan adalah berasaskan konsep konvensional ataupun prinsip Islam. Contoh-contoh kad caj ialah kad American Express, kad Diners Club International dan kad HSBC Amanah MasterCard.

### **BAGAIMANA PULA TATACARANYA?**

Apabila anda membuat pembelian, saudagar hendaklah meleretkan atau memasukkan kad caj anda ke dalam alat pembaca kad untuk mendapatkan keizinan pengeluaran kad caj. Kebanyakan saudagar menghendaki anda menandatangani slip urus niaga sebagai bukti pembelian, di mana ianya akan dibandingkan dengan contoh tandatangan di belakang kad caj anda. Anda mungkin tidak perlu menandatangani slip urus niaga jika anda membuat urus niaga di alat pembaca kad layan diri seperti alat pembaca kad layan diri di stesen-stesen minyak. Bagi setiap pembelian, pengeluaran kad caj akan membuat pembayaran kepada saudagar bagi pihak anda dan menghantar bil kepada anda kemudian. Pengeluar kad caj akan menghantar kepada anda penyata bulanan yang mengandungi maklumat mengenai urus niaga kad caj anda seperti butir-butir pembelian, tarikh tamat tempoh dan denda bayaran lewat, jika ada.

### **PERBANDINGAN DI ANTARA KAD CAJ DAN KAD KREDIT**

Sementara kad caj dan kad kredit membolehkan urus niaga pembayaran dibuat, terdapat perbezaan di antara kedua-dua jenis kad tersebut. Perbezaan utama di antara kad caj dan kad kredit ialah amaun yang perlu dilunaskan pada tarikh tamat tempoh setiap bulan.

## Info Pengguna - Kad Caj

Written by Administrator

Thursday, 13 August 2009 17:05 - Last Updated Thursday, 08 October 2009 11:01

---

Untuk kad caj, baki belum jelas perlu dilunaskan sepenuhnya pada atau sebelum tarikh tamat tempoh dan tiada faedah dikenakan. Walau bagaimanapun, anda akan dikenakan caj bayaran lewat jika gagal menjelaskan baki belum jelas anda sepenuhnya pada atau sebelum tarikh tamat tempoh. Caj bayaran lewat adalah tinggi, biasanya di antara 3.0% hingga 3.5% sebulan (atau 36% hingga 42% setahun) ke atas baki belum jelas. Untuk kad caj Islam, bagi menggantikan caj bayaran lewat konvensional sebanyak 3.0% hingga 3.5% sebulan, anda akan dikenakan caj ganti rugi setakat amaun maksimum yang dibenarkan, kebiasaannya RM70 sebulan. Lazimnya, pengeluar kad caj akan membatalkan perkhidmatan kad caj anda jika anda memungkiri jadual pembayaran balik untuk beberapa bulan (tempoh berbeza-beza bergantung kepada polisi dalaman pihak pengeluar).

Bagi kad kredit, anda boleh melunaskan baki belum jelas anda sepenuhnya pada atau sebelum tarikh tamat tempoh, ataupun membuat pembayaran bulanan minimum, yang biasanya 5% daripada baki belum jelas. Oleh itu, anda boleh secara berterusan membayar amaun minimum tersebut setiap bulan. Sungguhpun kad kredit menawarkan kaedah pembayaran balik yang fleksibel untuk hutang kad kredit anda, kosnya mungkin agak mahal. Pengeluar kad kredit biasanya mengenakan caj kewangan sebanyak 18% setahun ke atas baki belum jelas, dan caj bayaran lewat dikenakan jika anda tidak menjelaskan amaun bayaran minimum bulanan pada atau sebelum tarikh tamat tempoh.

Terdapat juga kad bayaran yang menggabungkan kemudahan-kemudahan kad kredit dan kad caj. Kemudahan kad caj akan diaktifkan sekiranya nilai urus niaga melebihi had kredit bagi kemudahan kad kredit. Amaun yang melebihi had kredit tersebut hendaklah dilunaskan sepenuhnya mengikut syarat-syarat kemudahan kad caj.

### MEMOHON KAD CAJ

- Adakah Kad Caj Sesuai untuk Anda?  
Jika anda merupakan seorang yang menjelaskan baki anda sepenuhnya bila tiba
  - Kelayakan  
Anda layak untuk memohon kad caj jika anda memenuhi syarat-syarat yang dite
  - Permohonan  
Anda mungkin perlu menyediakan dokumen-dokumen berikut ketika membuat p
- Salinan Kad Pengenalan Kewarganegaraan atau MyKad
  - Penyata cukai pendapatan terkini (Borang J atau Borang EA)
  - Penyata bank untuk bulan-bulan terdahulu (akaun tabungan atau semasa)
  - Slip gaji untuk bulan-bulan terdahulu
  - Surat perlantikan/pengesahan jawatan daripada majikan
  - Jika anda bukan warganegara Malaysia tetapi bermastautin di negara ini, anda mungkin perlu mengem
  - Jika anda bekerja sendiri, anda mungkin perlu menyediakan butir-butir pendaftaran perniagaan atau d

Pengeluar kad caj memerlukan dokumen-dokumen tersebut untuk membuat penilaian kredit dan meneta

- Kad Tambahan

Anda boleh memohon kad tambahan untuk isteri/suami, ahli keluarga ataupun r

### MEMAHAMI SYARAT-SYARAT PEMEGANGAN KAD

Jika permohonan kad caj anda diluluskan, anda akan diberikan kad caj yang tertera dengan nama anda, nombor kad dan sebagainya, berserta dengan syarat-syarat yang menetapkan dasar-dasar mengenai penggunaan kad caj. Anda harus meminta sesalinan syarat-syarat pemegangan kad sebelum menerima kad caj yang ditawarkan. Sebaik sahaja salinan syarat-syarat pemegangan kad tersebut diperolehi, adalah penting bagi anda meneliti dan memahami sepenuhnya kandungan syarat-syarat pemegangan kad tersebut, memandangkan anda dan pengeluar kad caj akan terikat dengannya.

Anda boleh menghubungi pengeluar kad caj secara terus jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan penjelasan lanjut mengenai syarat-syarat pemegangan kad. Pengeluar kad caj akan memberikan bantuan yang diperlukan untuk menjelaskan kemusykilan anda. Walau bagaimanapun, jika anda tidak bersetuju dengan syarat-syarat pemegangan kad tersebut, anda boleh membatalkan kemudahan kad caj tersebut dengan mengembalikannya kepada pengeluar kad caj terbabit dengan serta-merta. Di samping itu, sesetengah pengeluar kad caj mungkin juga menghendaki anda mengemukakan notis bertulis untuk tujuan tersebut.

Secara amnya, syarat-syarat pemegangan kad memperuntukkan perkara-perkara berikut:

- Maklumat mengenai yuran dan caj
- Syarat-syarat pembayaran
- Liabiliti bagi urus niaga tanpa kebenaran atau fraud
- Prosedur untuk membuat aduan atau pertanyaan mengenai penyata bulanan
- Notis pemberitahuan mengenai perubahan syarat-syarat pemegangan kad
- Hak-hak dan tanggungjawab pemegang kad
- Kerahsiaan maklumat
- Lain-lain

### MEMAHAMI YURAN DAN CAJ

Memahami pelbagai caj yang dikenakan dalam penggunaan kad caj adalah penting. Memahami yuran dan caj yang mungkin berbeza di kalangan pelbagai pengeluar kad caj boleh membantu anda dalam memilih kad caj yang paling sesuai di pasaran. Berikut adalah caj-caj yang lazim dikenakan:

## Info Pengguna - Kad Caj

Written by Administrator

Thursday, 13 August 2009 17:05 - Last Updated Thursday, 08 October 2009 11:01

---

- Yuran Penyertaan  
Yuran yang mungkin dikenakan sekali sahaja oleh pengeluar kad caj ialah yuran
- Yuran Tahunan  
Ini ialah yuran tetap yang wajib dibayar setahun sekali, walaupun anda tidak per
- Caj Bayaran Lewat  
Anda akan dikenakan caj bayaran lewat jika anda gagal untuk melunaskan baya
- Yuran Pendahuluan Wang Tunai  
Sesetengah pengeluar kad caj mungkin juga menyediakan kemudahan pendah

Anda dinasihatkan agar peka terhadap yuran dan caj yang mungkin dikenakan ke atas anda seperti ma

### MEMILIH KAD CAJ YANG SESUAI

Anda dinasihatkan agar membuat perbandingan yang sewajarnya dalam memilih kad caj yang bersesuaian dengan anda dengan mempertimbangkan faktor-faktor berikut:

- Hadiah Promosi dan Tawaran Istimewa  
Pengeluar kad caj mungkin menawarkan pelbagai hadiah promosi yang menarik
- Yuran dan Caj  
Ada pelbagai kombinasi yuran dan caj yang akan dikenakan dalam menggunakan
- Tempoh Tanpa Faedah  
Pengeluar kad caj menawarkan tempoh tanpa faedah bermula dari tarikh urus m
- Liabiliti Terhad  
Pengeluar kad caj mungkin menghadkan liabiliti anda sehingga ke tahap amau
- Khidmat Pelanggan  
Anda juga mungkin ingin mengambil kira tahap khidmat pelanggan yang disedia

### MENCEGAH FRAUD KAD CAJ

Seperti mana kad bayaran lain, penggunaan kad caj melibatkan risiko. Menjaga keselamatan kad caj adalah menjadi tanggungjawab anda. Anda mungkin ipertanggungjawabkan ke atas urus niaga yang dibuat tanpa kebenaran anda jika anda tidak mematuhi syarat-syarat pemegangan kad anda. Oleh itu, anda haruslah meneliti syarat-syarat pemegangan kad, terutamanya mengenai hak-hak dan tanggungjawab anda. Perhatikan prosedur untuk melaporkan kehilangan ataupun kecurian kad caj anda dan implikasinya jika tidak mematuhi prosedur tersebut.

Sebagai pemegang kad caj, anda boleh mengambil beberapa langkah untuk meminimumkan

risiko menjadi mangsa fraud. Berikut adalah beberapa langkah yang anda boleh ambil untuk melindungi diri anda daripada gejala fraud kad caj:

- **Melindungi Kad Caj Anda:**
  - Tandatangan kad caj anda sebaik sahaja ianya diterima
  - Jangan pinjamkan kad caj anda kepada sesiapa pun
  - Hafal nombor PIN anda dan jangan catatkan nombor PIN tersebut di belakang kad, menyimpannya di tempat yang selamat
  - Pastikan kad caj yang telah luput dipotong dua apabila anda menerima kad baru
- **Apabila Memulakan Urus Niaga:**
  - Perhatikan kad caj anda ketika membuat urus niaga dan dapatkannya semula
  - Semak semua butir-butir yang terdapat pada slip urus niaga sebelum menandatangani atau mengesahkan
  - Apabila menandatangani slip urus niaga, buat satu garisan pada ruang kosong di atas jumlah yang perlu dibayar
  - Jangan menandatangani slip urus niaga yang kosong
  - Apabila menempah atau membuat pembelian melalui telefon, jangan berikan butir-butir kad caj anda kepada pihak yang tidak dikenali
  - Jangan berikan butir-butir kad caj anda kepada pihak yang tidak dikenali kerana mereka mungkin menyalahgunakan maklumat tersebut
- **Mengawasi dan Memeriksa Urus Niaga Anda:**
  - Simpan semua slip urus niaga anda dan bandingkan dengan penyata bulanan
  - Maklumkan pengeluar kad caj anda dengan serta-merta jika terdapat sebarang kesilapan atau kemungkaan
  - Musnahkan semua slip-slip urus niaga sebelum anda membuangnya
- **Persediaan Diri Jika Kad Caj Anda Hilang ataupun Dicuri:**
  - Simpan kad caj anda di tempat yang sama di dalam dompet supaya jika ia hilang atau dicuri, anda dapat mengesahkannya
  - Simpan nombor telefon pengeluar kad caj anda supaya anda dapat menghubunginya dengan serta-merta
  - Rekodkan nombor kad caj anda dan tarikh luputnya di tempat yang selamat dan berasingan daripada kad caj anda

## PERINGATAN

Anda harus sentiasa berhemat apabila menggunakan kad caj dan tidak berbelanja melebihi kemampuan anda. Yuran dan caj yang dikenakan ke atas baki yang tidak dilunaskan boleh menjadi amat tinggi. Yang paling penting, pengeluar kad caj mungkin akan mengambil tindakan undang-undang ke atas anda jika anda mungkir dalam membuat pembayaran.

## RINGKASAN PERBANDINGAN DI ANTARA KAD KREDIT DAN KAD CAJ

Di antara ciri-ciri utama kad kredit dan kad caj adalah seperti berikut:

### Kad Kredit

- |                   |  |
|-------------------|--|
| Had Kredit :      | Had maksimum ditetapkan bagi setiap pemegang kad     |
| Bayaran Minimum : | Bayaran minimum sebanyak 5% ke atas baki belum jelas |

## Info Pengguna - Kad Caj

Written by Administrator

Thursday, 13 August 2009 17:05 - Last Updated Thursday, 08 October 2009 11:01

---

Yuran Penyertaan : Bayaran dikenakan sekali sahaja. Yuran berbeza-beza bergantung kepada pen  
Caj Kewangan : Caj maksimum sebanyak 18% setahun ke atas baki belum jelas  
Yuran Tahunan : Lazimnya di antara RM60 hingga RM90 untuk kad klasik  
Caj Bayaran Lewat : Caj maksimum sebanyak 1% sebulan ke atas baki belum jelas atau RM5, meng

Yuran Pendahuluan Wa Lazimnya di antara 3% hingga 5% ke atas pendahuluan wang tunai sebagai tan

## Kad Caj

Had Kredit : Lazimnya, had perbelanjaan yang ditetapkan oleh pengeluar kad tidak dimaklum

Bayaran Minimum : Baki belum jelas perlu dibayar sepenuhnya sebelum tarikh tamat tempoh

Yuran Penyertaan : Bayaran dikenakan sekali sahaja. Yuran berbeza-beza bergantung kepada pen

Caj Kewangan : Tidak berkaitan kerana baki belum jelas harus dilunaskan sepenuhnya

Yuran Tahunan : Lazimnya di antara RM80 hingga RM160 untuk kad klasik

Caj Bayaran Lewat : Lazimnya di antara 3.0% dan 3.5% sebulan (atau 36% hingga 42% setahun) ke

Yuran Pendahuluan Wa Lazimnya 3% hingga 4% bergantung kepada pengeluar kad caj. Sesetengah pe

### SOALAN YANG SERING DITANYA

**1. Apakah jenis-jenis kad bayaran lain yang terdapat di Malaysia?**

Selain daripada kad caj, kad-kad bayaran yang lain ialah kad kredit, kad debit dan kad simpanan nilai.

Kad debit adalah sejenis kad bayaran di mana baki di dalam akaun tabungan atau akaun semasa anda.

Kad simpanan nilai ialah sejenis kad prabayar yang di dalamnya terkandung nilai kewangan yang telah dibayar.

**2. Adakah sesiapa sahaja boleh memohon kad tambahan?**

Pemegang kad utama boleh mencadangkan sesiapa sahaja untuk menjadi pemegang kad tambahan.

**3. Sebagai pemegang kad tambahan, adakah saya akan diberi penyata bulanan?**

Lazimnya, maklumat mengenai urus niaga kad caj oleh pemegang kad utama dan pemegang kad tambahan akan dimasukkan ke dalam penyata bulanan.

**4. Apa yang perlu saya lakukan sekiranya saya tidak berpuas hati dengan bayaran kad?**

Kad caj hanya memudahkan anda bagi membuat pembayaran. Anda harus merujuk kepada pemegang kad utama untuk maklumat lanjut.

**5. Siapakah yang bertanggungjawab terhadap pembelian yang dibuat melalui kad?**

Pemegang kad utama adalah pihak yang bertanggungjawab untuk menjelaskan pembelian yang dibuat melalui kad.

**6. Perlukah saya membayar kos tambahan kepada saudagar jika saya menggo**

Tiada kos tambahan dikenakan jika membeli dengan kad caj. Sekiranya anda d

**7. Bagaimana kadar pertukaran wang asing ditentukan apabila saya membua**

Amaun urus niaga yang dilakukan di luar negara dengan menggunakan mata w

**8. Adakah saya bertanggungjawab ke atas urus niaga fraud selepas kad caj s**

Anda hendaklah sentiasa mengambil langkah pencegahan yang sewajarnya un

**9. Adakah perlu saya menyemak penyata kad caj saya?**

Ya, jadikan satu amalan biasa untuk sentiasa menyemak penyata kad caj anda

**10. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat kesilapan pada penyata kad**

Anda hendaklah memaklumkan pengeluar kad caj anda secara lisan dengan se

**11. Bagaimanakah saya boleh membuat aduan mengenai pengeluar kad caj sa**

Jika anda tidak berpuas hati dengan layanan yang diberikan oleh pengeluar kac

**[Membuat Aduan Perihal Perbankan.](#)**

Untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang prosedur membuat aduan ke atas pengeluar kad caj dari k

## GLOSARI

### **Pengeluar Kad Caj**

Institusi yang diberi kebenaran untuk mengeluarkan kad caj sama ada menggunakan satu



## **Info Pengguna - Kad Caj**

Written by Administrator

Thursday, 13 August 2009 17:05 - Last Updated Thursday, 08 October 2009 11:01

---

jenama yang seragam atau menggunakan jenamanya sendiri.

### **Skim Pembayaran Kad Caj**

Institusi atau persatuan (misalnya American Express, Diners Club dan MasterCard) yang menyediakan infrastruktur bagi kemudahan memperolehi keizinan dan penyelesaian urusan niaga kad caj.

### **Saudagar**

Sebarang perniagaan yang menerima kad caj sebagai salah satu alat bayaran untuk pembelian barangan dan/atau perkhidmatan mereka.

### **Urus Niaga Fraud**

Urus niaga yang tidak mendapat kebenaran pemegang kad. Urus niaga ini mungkin berlaku akibat kehilangan atau kecurian kad, kad tidak diterima, kad dikeluarkan berdasarkan permohonan palsu, penipuan atau situasi-situasi penipuan yang ditakrifkan oleh pengedar kad caj.